

U B258 AAB

MAHATHIR-MUSLIHAT

TAIPING, 30 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN BAGAIMANA DAP DENGAN KERJASAMA PAS MENCUBA MENJATUHKAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA UMUM INI MELALUI SLOGAN '+KURANGKAN MAJORITI DUA PERTIGA BN.+

PERDANA MENTERI BERKATA MELALUI SLOGAN ITU, DAP SEOLAH-OLAH MENGAKUI BAHAWA BN AKAN TETAP MENANG DAN MENUBUHKAN KERAJAAN TETAPI NIAT PARTI ITU SEBENARNYA IALAH MENIPU SETIAP PENGUNDI SUPAYA MENGURANGKAN MAJORITI BN.

DAP MENARUH HARAPAN SEKIRANYA SETIAP PENGUNDI DALAM USAHA MENGURANGKAN MAJORITI BN MENGUNDI PARTI PEMBANGKANG, KERANA MENYANGKA PENGUNDI LAIN AKAN MEMBERI UNDI KEPADA BN, PARTI CAMPURAN ITU AKAN MENERIMA KEKALAHAN, KATANYA PADA SUATU PERJUMPAAN DENGAN PENYOKONG DAN PEKERJA BN DI DEWAN PERBANDARAN DI SINI.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH TIBA DI SINI DARI KUCHING PAGI INI SEBELUM KE PULAU PINANG KERANA LAWATAN SINGKAT. BELIAU DISAMBUUT OLEH MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB.

+KALAU BENAR DAP HENDAK MENGURANGKAN SAHAJA MAJORITI DUA PERTIGA BN, KENAPA PARTI ITU TIDAK BERTANDING SETAKAT BOLEH MENGURANGKAN MAJORITI ITU, TETAPI SEBALIKNYA MELETAKKAN 84 CALON DI KAWASAN PARLIMEN?+ BELIAU BERTANYA KEPADA BERIBU-BERIBU PENYOKONG BN YANG PENUH SESAK DI DEWAN ITU. -- LAGI.
1509MST 30 07 86

U B259 AAB

MAHATHIR-MUSLIHAT 2 TAIPING

+INI BERMAKNA DAP MENCUBA HENDAK MENGALAHKAN BN DENGAN KERJASAMA PAS YANG JUGA MELETAKKAN BANYAK CALON,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGAT RAKYAT JANGAN MUDAH TERTIPU DENGAN MUSLIHAT DAP YANG TIDAK PERNAH JUJUR DAN BERBUAT SESUATU KEPADA RAKYAT TETAPI HANYA BERUSAHA MENDAPAT SOKONGAN DENGAN MENIMBULKAN PERASAAN BENCI TERHADAP KERAJAAN DI KALANGAN RAKYAT.

BELIAU JUGA MENINGAT RAKYAT BAGAIMANA DAP PADA PILIHAN RAYA 1969 BERJAYA MEMENANGI KERUSI DENGAN MERAYU PENGUNDI SETAKAT MENOLONG CALONNYA AGAR TIDAK HILANG WANG PERTARUHAN DAN KERANA SIMPATI, PARA PENGUNDI MENYOKONG CALONNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA MENIFESTO PAS BAGI PILIHAN RAYA INI YANG MENEKANKAN KEADILAN, KEAMANAN DAN PERPADUAN, BUKAN SAHAJA BERCANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN PARTI ITU TETAPI JUGA PERBUATANNYA.

+APAKAH KEAMANAN YANG DIPERJUANGKAN OLEH PAS JIKA DITINJAU BAGAIMANA PARTI ITU MENGHASUT PENDUDUK KAMPUNG MEMALI DI BALING SUPAYA MENJADI PEMBUNUH SEHINGGA MENGAKIBATKAN 18 ORANG MATI?+ TANYA BELIAU. -- LAGI.
1517MST 30 07 86

MAHATHIR-MUSLIHAT 3 TAIPING

+SAYA INGIN BERTANYA KEPADA PRESIDEN PAS HAJI YUSOF RAWA ATAU HAJI HADI AWANG APAKAH YANG PALING TIDAK ADIL DALAM ISLAM SELAIN MENUDUH ORANG ISLAM LAIN KAFIR DAN MEMECAHBELOH PERPADUAN UMAT ISLAM SERTA MENDAKWA ALLAH MENJADI ANGGOTA PAS?+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KESAL KERANA PAS SEOLAH-OLAH TIDAK SEDIKIT PUN TAKUTKAN ALLAH DAN MENJUAL AYAT-AYAT AL-QURAN DENGAN MURAH IAITU SEPOTONG AYAT BAGI SATU UNDI PADA PILIHAN RAYA INI.

PRESIDEN UMNO YANG JUGA Pengerusi BN ITU BAGAIMANAPUN YAKIN BAHAWA TIPU MUSLIHAT DAP SERTA PAS UNTUK MENJATUHKAN KERAJAAN BN TIDAK AKAN BERJAYA KERANA RAKYAT AKAN TETAP MEMBERI SOKONGAN PENUH TERHADAP BN.

BELIAU MENINGAT RAKYAT BAHAWA PILIHAN RAYA SEBENARNYA BUKANLAH SEMATA-MATA UNTUK MEMILIH WAKIL RAKYAT TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH MENENTUKAN PIHAK MANAKAH YANG DAPAT MENUBUHKAN KERAJAAN YANG KUKUH.

KATANYA SEKIRANYA SESEORANG CALON YANG DIUNDI TIDAK DAPAT MEMBANTU MENUBUHKAN KERAJAAN, UNDI BERKENAAN AKAN MENJADI SIA-SIA KERANA YANG DAPAT MENENTUKAN SESEBUAH KAWASAN ITU MENDAPAT PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BUKANLAH CALON TETAPI KERAJAAN YANG DITUBUHKAN. -- LAGI.

1540MST 30 07 86

D043

B B293 AAB

MAHATHIR - MUSLIHAT 4 TAIPING

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RAKYAT PERLU MENERIMA HAKIKAT BAHAWA NEGARA INI TERDIRI DARIPADA BERBILANG KAUM DAN CARA PALING BAIK BAGI MENJAGA KEPENTINGAN MASING-MASING IALAH MELALUI KERJASAMA DENGAN BN.

+TIDAK SIAPA DAPAT MENAFIKAN BAHAWA KERJASAMA DI KALANGAN ORANG MELAYU, CINA DAN INDIA MELALUI KERAJAAN PERIKATAN MEMBOLEHKAN NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, PERPADUAN KAUM DAN MENGHASILKAN PEMBANGUNAN PESAT.+

BELIAU BERKATA, PERWAKILAN PELBAGAI KAUM HANYA TERDAPAT DALAM PARTI CAMPURAN BN TETAPI PARTI PEMBANGKANG HANYA BEKERJASAMA SEMASA MENGHADAPI PILIHAN RAYA. ITU PUN DILAKUKAN OLEH MEREKA BUKAN DENGAN JUJUR TETAPI MENIPU SATU SAMA LAIN.

+SEBALIKNYA PARA PEMIMPIN BN BERSIKAP JUJUR DAN TIDAK TAMAK TERHADAP KUASA KERANA MEREKA SANGGUP MENERIMA SEMUA PARTI YANG SANGGUP BEKERJASAMA DAN PERCAYA KEPADA PERPADUAN, + TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA KERETAPI TANAH MELAYU (KTM) BERSETUJU TIDAK MENUNTUT BAYARAN \$150,000 BAGI SEBUAH PROJEK MEMBINA SEBUAH CULVERT BERTHARGA \$400,000 MELINTASI LANDASAN KERETAPI DI SINI. -- BERNAMA

1623MST 30 07 86